

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN HEE LOY SIAN  
(PETALING JAYA SELATAN)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN [ PETALING JAYA SELATAN ]** minta

**MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

(a) alasan melantik CEO MAS dari kalangan warganegara luar sehingga meminggir kalangan warganegara Malaysia yang layak; dan

(b) apakah status nasib 6000 kakitangan MAS yang mahu diberhentikan atas penstrukturan semula MAS.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemilihan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Malaysian Airline System Bhd telah melibatkan satu pencarian peringkat domestik dan global untuk mengenal pasti seorang

pegawai eksekutif yang berpengetahuan luas dalam sektor penerbangan serta mempunyai pengalaman kukuh dalam aktiviti penstrukturan semula, terutamanya dalam syarikat penerbangan perkhidmatan penuh (*full-service carrier*). Pemilihan secara teliti ini dilakukan untuk memastikan bahawa CEO yang dipilih dapat memimpin syarikat secara profesional dan mahir sehingga pengakhiran proses penstrukturan semula, terutamanya dalam keadaan persekitaran persaingan semasa.

Christoph Mueller telah dilantik sebagai CEO MAS mulai 1 Mei 2015 dan berpengalaman selama lebih 25 tahun dalam industri penerbangan, logistik dan pelancongan. Secara keseluruhannya, beliau mempunyai pengalaman kira-kira 10 tahun sebagai ketua eksekutif di peringkat bahagian dan kumpulan dalam sektor penerbangan selain memiliki pengalaman yang luas di peringkat Lembaga Pengarah, termasuk dalam sektor pelancongan.

Mueller memiliki rekod yang kukuh dalam proses transformasi dan pemulihan dalam industri penerbangan. Antara pencapaian utama serta kepakaran beliau adalah dalam perancangan strategik dan kewangan

selain penyusunan semula struktur syarikat yang bermasalah.

Mengenai kedudukan kakitangan MAS pula, selepas proses penilaian bakat bagi kesemua tenaga kerja MAS yang telah diselesaikan pada 2 Februari 2015, proses seterusnya adalah mengenal pasti kumpulan kakitangan yang memenuhi keperluan NewCo yang mana ia juga telah dilaksanakan. Satu skim pemisahan telah disiapkan berdasarkan prinsip-prinsip tertentu seperti pengiktirafan penamatan perniagaan, keadilan kepada semua pihak, pematuhan kepada keperluan perundangan dan kekangan kewangan. Sebuah Pusat Pembangunan Korporat atau *Corporate Development Centre* (CDC) telah beroperasi pada 1 Jun 2015 iaitu tarikh di mana surat tawaran/ pemberhentian diedarkan kepada semua kakitangan MAS sedia ada. Khidmat sokongan profesional, emosi dan nasihat kewangan kepada kakitangan MAS sedia ada turut disediakan bagi membantu mereka dalam proses transisi ke peringkat seterusnya dalam kerjaya masing-masing. Setiap kakitangan akan diberi pampasan menurut keperluan perundangan.